

sebagai barang yang berhak ia menjualnya ataupun milik yang berhak ia menjualnya. Ia hanya bertanggungjawab bagi mengawal bukannya berhak memiliki anak itu.

Selain daripada itu, mengikut faham kita, di dalam peperangan-peperangan yang berlaku sekarang tidak ada suatu peperangan pun yang boleh meluluskan orang-orang tawanan perang itu menjadi hamba kerana peperangan yang berlaku sekarang bukanlah peperangan untuk mengembangkan agama seperti yang dijalankan oleh Rasulullah (SAW) dan sahabat-sahabatnya, tetapi peperangan yang berlaku adalah peperangan kerana kedudukan siyasah dan kerana itulah maka tidak ada kelulusan barang sedikit pun, mengikut pendapat kita, untuk meluluskan orang-orang yang ditawan itu sebagai hamba bertambah pula tidak dijalankan langkah-langkah yang menentukan adakah negara-negara yang dikatakan negara Islam itu menjalankan dasar-dasar hukum Islam dan bekerja di dalam perjuangan untuk mengembangkan Islam dan bekerja di dalam perjuangan untuk mengembangkan Islam seperti dahulu.

Sudah terang bahawa hamba itu ialah seorang kafir yang ditawan oleh orang-orang Islam di dalam peperangan. Orang merdeka – Muslim atau kafir, kecil besar, tidak boleh dijadikan hamba dan tidak halal si pembela mencampurinya melainkan dengan nikah; dan menurut Saiyyidina ‘Alī bahawa oleh sebab Quran mewajibkan pemberian fasak kepada anak dengan tidak menyambut nikah maka anak zina itu jadi waris ibu bapanya yang menyebabkan ia zahir.

\*\*\*

### Kaum Muda, Kaum Tua

Aḥmad Bin Muḥammad Hāshīm, Kota Bharu, Kelantan bertanya Saya selalu mendengar tuduhan-tuduhan kepada orang-orang yang progresif di dalam agama dengan perkataan Kaum Muda dan demikian juga timbul perkataan Kaum Tua terhadap kepada orang-orang yang

nampaknya kurang progresif.

Keranasaya kurang faham maka saya suka hendak bertanya, sebagaimana tuduhan yang timbul –adakah Kaum muda itu susah dan menyesatkan dan terkeluar daripada agama; dan inikah perbezaan di antara keduanya?

Jawab: Yang menimbulkan terbitnya perkataan Kaum Muda dan Kaum Tua ialah kerana perselisihan tatkala memahamkan beberapa perkara yang mengenai hukum ibadah di dalam agama yang terkenal di dalam perkara masalah *khilāfīyah* (maksudnya yang ulama-ulama dari dahulu lagi telah berselisih memahamkan beberapa perkara yang mengenai hukum-hukum agama itu).

Sebagai contoh molek dibawa di sini suatu misal daripada beberapa banyak perselisihan faham yang terbit daripadanya. Kaum Tua menegakkan bahawa di dalam lafaz *tahīyyat* di dalam sembahyang itu hendaklah digunakan lafaz “*Sayyidinā*” (seperti *Allahumma ṣalli ‘alā Sayyidinā Muḥammad*) sedang Kaum Muda membantah dengan mengatakan bahawa yang diajarkan kepada mereka tidak pakai *Sayyidinā* yang tua mengatakan bahawa lafaz *Sayyidina* itu disebut adalah kerana menghormati junjungan kita Muhammad (SAW) sedang yang muda berkata di dalam perkara ibadah –kita hanya dibenarkan mengikut sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah (SAW) kerana Rasulullah sendiri tidak menyuruh menyebut lafaz itu.

Pihak tua menyebut bahawa orang-orang awam hendaklah menerima sahaja apa yang dikatakan oleh ulama (bertaqlid) sedang yang muda hanya menerima perkataan ulama yang disertakan keterangan daripada al-Quran, al-Hadis dan Ijma‘ sahabat- Ittiba‘ yang muda berpendapat di dalam perkara ibadah itu tidak boleh ditambah atau dikurangi barang sedikit pun daripada apa diperintahkan oleh Rasulullah (SAW) sedang di dalam pekerjaan keduniaan mereka berpandu semata-mata di atas perkara yang ada tegahan sahaja di dalamnya yakni jika sesuatu barang tidak thabit tegahannya maka

mereka halalkan; umpamanya pihak tua mengharamkan memakan binatang yang hidup di dua tempat – di laut dan di darat sedang pihak muda mengharuskan kerana tidak ada sesuatu perintah yang terang menunjukkan barang itu haram. Mereka memandang tentang geli tekak atau perasaan dalam menentukan halal haram sesuatu padahal itu tidak boleh menjadi ukuran.

Demikian misal perselisihan di antara keduanya sedang di dalam fahaman mengesakan Tuhan dan tawhid adalah serupa-tidak ada bezanya walau sedikit pun. Tentang perselisihan itu adalah berlaku bukan pada zaman sekarang sahaja tetapi telah beribu tahun. Mereka masing-masing menghormati fahaman masing-masing itu kerana mereka berfahaman luas sedang bagi orang-orang yang sempit fahaman adalah tidak menghormati fahaman itu dan tidak mahu bertukar-tukar fikiran untuk mencari kebenaran lalu mengkafirkan di antara satu dengan lain pada hal keduanya masih berpegang kepada kalimah tawhid.

\*\*\*

### Minta Huruf Baris

Muhammad Bin Yusuf, Kampung Pulau Rosa, Terengganu bertanya: Bolehkah kiranya kalimah-kalimah Arab seperti hadis Nabi dan firman Allah yang tersiar di dalam majalah Qalam ini digunakan dengan huruf baris untuk memudahkan pembaca-pembaca membacanya?

Jawab: Sebenarnya molek sungguh huruf baris itu digunakan tetapi berhubung dengan payah mengerjakannya maka sukar untuk mengadakan huruf baris itu pada hal majalah itu mustahak tetap dikeluarkan pada masa-masanya yang tertentu kerana selain daripada menerbitkan majalah Qalam maka tempat percetakan Qalam itu adalah juga mencetak beberapa majalah-majalah lain dan buku-buku serta risalah-risalah yang diupah kepadanya oleh orang-orang dari luar. Kerana itu maka untuk menyelenggarakan huruf baris itu payah dijalankan \*\*\*

### Membuang Anak

Ahmad Albālūnī Tualang Sakah, Malim Nawar, Perak

bertanya: Apakah hukumnya seorang perempuan Islam apabila ia hamil lalu dibuang akan anak yang dikandung itu (digugurkan)?

Jawab: Seseorang yang telah tahu ia hamil apabila digugurkannya adalah berdosa terutama pula apabila hamilnya telah besar maka sifatnya adalah sama dengan membunuh suatu nyawa yang dipandang sebagai suatu kesalahan besar.

Juga patut disebut bahawa apabila seseorang merosakkan tempat peranakannya adalah berdosa besar tetapi ada ulama berpendapat sekiranya belum terjadi anak maka menggalakkan tidak berdosa seperti menggunakan perubatan di dalam masa bersetubuh.

---

## Al-Ḥāfiz Haji Ghulām Sarwar

kembali ke Rahmatullāh Ta‘ālā

Pada bulan yang lalu Al-Ḥāfiz Haji Ghulām Sarwar telah kembali Rahmatullāh Ta‘ālā di Pulau Pinang dalam usia kira-kira delapan puluh tahun: Ia telah dilahirkan dan mendapat pelajaran di India tetapi sebahagian besar daripada umurnya telah dihabiskan di Malaya dalam jawatan kerajaan. Dalam masa hayatnya pernah menjadi pengadil mahkamah di Singapura dan Melaka.

Sebagaimana lain-lain ahli-ahli pengetahuan Islam India dan Pakistan yang berjasa dalam penyebaran Islam maka begitulah pula al-Marhum Haji Ghulām Sarwar meninggalkan khidmatnya yang cemerlang.

Namanya akan hidup dikenang orang selagi kitab-kitab tafsir al-Quran al-Karim, tarikh Nabi Muhammad dan lain-lain buah penanya (dalam bahasa Inggeris) menjadi panduan orang-orang Islam turun temurun. Dirahmati Allah akan dia dan dihimpunkan rohnyanya didalam syurga Jannah al-Na‘īm